

D555

U B693 DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN R R R

KUANTAN, 6 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MALAM INI MENEGUR GOLONGAN DALAM BIDANG KEHAKIMAN SUPAYA TIDAK MENCAMPURI URUSAN POLITIK SEHINGGA BOLEH MENJEJASKAN PERJALANAN PENTADBIRAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA GOLONGAN ITU KINI DIDAPATI DENGAN TERANG MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA BERHUBUNG ISU-ISU POLITIK WALAUPUN IA DI LUAR BIDANG TUGAS MEREKA.

KATANYA, +TREND+ ITU TELAH BERMULA SEHINGGA MENGHALANG KELICINAN PENTADBIRAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, TINDAKAN MEREKA ITU MENYEBABKAN MENTERI-MENTERI SENDIRI TIDAK LAGI BOLEH MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DENGAN BERKESAN.

+INI KERANA SETIAP KEPUTUSAN MENTERI YANG BERTUJUAN MEMBAWA KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT SERING DIPERSOALKAN,+ KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA LAWATAN BELIAU KE PAHANG DARUL MAKMUR DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR DI SINI. -- LAGI
2345MST 06 09 87

D556

U B694 DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN 2 KUANTAN

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT AKAN HILANG KEYAKINAN UNTUK DIHADAPKAN KEPADA HAKIM YANG TELAH MENYATAKAN PENDIRIAN MASING-MASING DALAM POLITIK.

+SAMA ADA TINDAKAN MEREKA MENYOKONG ATAU MENENTANG PENTADBIRAN KERAJAAN, IA TIDAK MENJADI SOAL TETAPI IA MUNGKIN MENIMBULKAN KESANGSIAN RAKYAT TERHADAP SISTEM KEHAKIMAN NEGARA INI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BIMBANG NEGARA AKAN MENJADI HURU HARA JIKA +TREND+ ITU BERTERUSAN DAN MEMINTA SEMUA PIHAK SUPAYA MENGAWASINYA.

BELIAU BERKATA, SETIAP PIHAK SEHARUSNYA MENJALANKAN TUGAS MENGIKUT HAD YANG DITETAPKAN KERANA PERLEMBAGAAN NEGARA TELAH MENJELASKAN DENGAN TERPERINCI BIDANG TUGAS MASING-MASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA, CADANGAN OLEH SEGELINTIR PIHAK SUPAYA PERLEMBAGAAN NEGARA DIKAJI SEMULA TIDAK BOLEH DIPANDANG RINGAN KERANA IA AMAT BAHAYA DAN BOLEH MENCETUSKAN KETEGANGAN DI KALANGAN RAKYAT.

-- LAGI
2349MST 06 09 87

D557

U B695 DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN 3 KUANTAN

BELIAU BERKATA PELBAGAI TUNTUTAN AKAN DIKEMUKAKAN JIKA PERLEMBAGAAN DIBUKA UNTUK DIKAJI SEMULA DAN MUNGKIN ADA PIHAK YANG MAHU MENGHAPUSKAN KEISTIMEWAAN ORANG MELAYU SERTA MENAMATKAN KERAKYATAN ORANG LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA KAJIAN SEMULA PERLEMBAGAAN TIDAK BOLEH DIJADIKAN ISU POLITIK KERANA IA BOLEH MENCETUSKAN RUSUHAN KAUM.

KATANYA, JIKA PERLEMBAGAAN PERLU DIPINDA, IA SEPATUTNYA DIBUAT MELALUI PROSES TERTENTU.

SELEPAS JAMUAN MAKAN MALAM, PERDANA MENTERI MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO NEGERI. -- BERNAMA
2351MST 06 09 87